

39 projek naik taraf imej polis

bH - 11/8/2006

RM1.8b tingkat keperluan PDRM

Oleh Azli Ayob

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengumumkan kerajaan menerusi Syarikat Pembinaan BLT Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, sudah mengenal pasti 39 projek bernilai RM1.775 bilion bagi meningkatkan keperluan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, projek berkenaan adalah usaha berterusan kerajaan dalam melaksanakan kemudahan dan perumahan kepada PDRM selaras dengan keperluan pasukan itu ke arah menjadikannya sebuah institusi yang cekap dan berkaliber.

"Projek itu akan dikeluarkan melalui proses tender terhad Bumiputera bagi tempoh Ogos sehingga Disember 2006," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Kewangan di sini.

Abdullah berkata, projek yang dirancang itu membabitkan pembinaan ibu pejabat, balai, kompleks lo-

gistik, pusat latihan, lokap, maktab dan perumahan polis di seluruh negara.

Antara projek yang akan ditender itu termasuk Pangkalan Marin di Semporna, Sabah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya, Selangor dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang.

Senarai projek itu turut dimuatkan di laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri di www.pmo.gov.my dan Kementerian Kewangan di www.treasury.gov.my.

“Projek itu akan dikeluarkan melalui proses tender terhad Bumiputera bagi tempoh Ogos sehingga Disember 2006”

Abdullah Ahmad badawi
Perdana Menteri

INFO

PROJEK DITENDER ANTARA OGOS HINGGA DISEMBER 2006

- 1 Mes Pegawai Kanan, Kangar, Perlis
- 2 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu, Sabah
- 3 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Terap, Kedah
- 4 Pangkalan Marin, Semporna, Sabah
- 5 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Taiping, Perak
- 6 Balai Polis Selangau, Mukah, Sarawak
- 7 Balai Polis Sibujaya, Sibujaya, Sarawak
- 8 Balai Polis Sentral Sibujaya, Sarawak
- 9 Balai Polis Gita & Tabuan Jaya, Kuching, Sarawak
- 10 Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak, Petra Jaya, Sarawak
- 11 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lubuk Antu, Sarawak
- 12 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat Johor
- 13 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi, Johor

- 14 Balai Polis Pantai Remis, Perak
- 15 Balai Polis Batu Kurau, Perak
- 16 Balai Polis Beruas, Perak
- 17 Balai Polis Sg. Merah, Sibujaya, Sarawak
- 18 Kompleks Logistik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) N. Sembilan
- 19 Balai Polis Ayer Hitam, Negeri Sembilan
- 20 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tampin, Negeri Sembilan
- 21 Balai Polis Sikamat, Negeri Sembilan

- 22 Balai Polis Pengkalan Kubor, Kelantan
- 23 Pusat Latihan Polis (Pulapol) Sarawak, Kuching
- 24 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat, Selangor
- 25 Kwarters PDRM Alor Akar, Kuantan, Pahang
- 26 Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang
- 27 Lokap Sentral Indera Mahkota, Pahang
- 28 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pekan, Pahang
- 29 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Rompin, Pahang

- 30 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya
- 31 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jeli
- 32 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Mas, Kelantan
- 33 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat, Kelantan
- 34 Maktab PDRM Cheras
- 35 Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lawas, Sarawak
- 36 Balai Polis Ayer Keroh, Melaka
- 37 Balai Polis Sg Rambal, Melaka
- 38 Balai Polis Banda Hillir, Melaka
- 39 Perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah